

Presiden Mahkamah Rayuan ^[1]



YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop

Presiden Mahkamah Rayuan

PSM, SSAP, DCSM, DSMZ, DMSM, SMP, KMN

Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop telah dilahirkan pada tanggal 25 Mei 1953 di Kampung Serkam, Melaka. Yang Amat Arif Tan Sri telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jasin, Sekolah Kebangsaan Alor Gajah dan Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang di Melaka. Yang Amat Arif Tan Sri meneruskan pengajian menengah di Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) di Tanjung Malim, Perak sehingga tingkatan lima dan menyambung pengajian tingkatan enam di sekolah yang sama, yang kemudiannya telah berpindah ke Seremban, Negeri Sembilan. Yang Amat Arif Tan Sri melanjutkan pengajian beliau di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) pada tahun 1978.

Kerjaya Yang Amat Arif Tan Sri dalam bidang perundangan bermula pada 08 Mei 1978 apabila dilantik ke dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagai Pegawai Undang-Undang. Yang Amat Arif Tan Sri telah menjawat jawatan Majistret Bentong, Majistret Temerloh, Timbalan Pendakwa Raya Negeri Johor,

Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, Ketua Unit Pendakwaan Negeri Pulau Pinang, Peguam Kanan Persekutuan Kementerian Dalam Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan. Pada tahun 1994, semasa Yang Amat Arif Tan Sri berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, Yang Amat Arif Tan Sri telah diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya, di Mahkamah Tinggi Kota Bharu.

Yang Amat Arif Tan Sri kemudian kembali bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Peguam Negara sebagai Timbalan Ketua Bahagian yang diikuti dengan lantikan sebagai Ketua Bahagian, Bahagian Penasihat dan Undang-Undang Antarabangsa. Yang Amat Arif Tan Sri merupakan salah seorang daripada tujuh orang yang dilantik sebagai Timbalan Kanan Pendakwa Raya (Senior Deputy Public Prosecutor) oleh YBhg. Peguam Negara pada 01 Oktober 1998. Jawatan terakhir Yang Amat Arif Tan Sri dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, Jabatan Peguam Negara.

Tanggal 01 Jun 2000, Yang Amat Arif Tan Sri telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya dan telah memulakan perkhidmatan sebagai hakim mahkamah atasan di Mahkamah Tinggi Melaka. Pada 01 Mac 2002, YAA Tan Sri telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan kemudian telah berkhidmat di Mahkamah Tinggi Melaka, Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu.

Pada 18 Julai 2007, Yang Amat Arif Tan Sri telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Pada 10 Ogos 2011, Yang Amat Arif Tan Sri telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. Pada 01 April 2017, Yang Amat Arif Tan Sri telah dilantik menjawat jawatan Hakim Besar Malaya. Pada 11 Julai 2018, YAA Tan Sri telah dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan.

Sebagai penghargaan kepada perkhidmatan beliau, Yang Amat Arif Tan Sri telah dianugerahkan pingat Setia Mahkota Perlis (SMP) pada tahun 1990, Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1997, Darjah Mulia Sri Melaka (DMSM) pada tahun 1998, Darjah Setia Sultan Mizan Zainal Abidin (DSMZ) pada tahun 2006, Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) pada 2013, Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) pada tahun 2015 dan Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) pada tahun 2018.

Yang Amat Arif Tan Sri telah mendirikan rumah tangga dengan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Zainon binti Haji Zainuddin dan dikurniakan dengan tiga orang cahaya mata iaitu Adilla Ahmad, Dr. Arfah Ahmad dan Amin Ahmad.

Alamat :

Pejabat Presiden Mahkamah Rayuan

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Aras 5, Istana Kehakiman

Presint 3

62506 PUTRAJAYA

 +603 8880 3500  +603 8880 3595

Hakcipta Terpelihara 2017 © Pejabat Ketua Pendaftaran Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tarikh Kemaskini Terkini 17 Mei 2019

- Jumlah Pelawat:823,417

Source URL: <http://kl.kehakiman.gov.my/ms/mahkamah/mahkamah-rayuan/presiden-mahkamah-rayuan>
Links

[1] <http://kl.kehakiman.gov.my/ms/mahkamah/mahkamah-rayuan/presiden-mahkamah-rayuan>